

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK	OCBC Al-Amin Bank Berhad
<p><b>Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Akaun Simpanan Tetap-i. Sila pastikan anda telah membaca terma dan syarat am.</b></p>	<p><b>Akaun Simpanan Tetap-i</b></p>
	<p><b>12 Febuari 2018</b></p>

Apakah produk ini?
<p>Akaun Simpanan Tetap-i (“TD-i”) ialah produk deposit wang tunai dengan keuntungan boleh dibayar selepas matang untuk peletakan selama 12 bulan dan ke bawah, atau keuntungan boleh dibayar setiap bulan sehingga tarikh matang (untuk peletakan melebihi 12 bulan) dalam denominasi Ringgit Malaysia (RM), Dolar Amerika Syarikat (USD), Dolar Singapura (SGD) atau Great Britain Pound (GBP).</p> <p>Deposit ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).</p>

Apakah konsep Syariah yang terpakai?
<p>Produk ini adalah berdasarkan prinsip Tawarruq yang terdiri daripada dua kontrak jualan dan pembelian. Kontrak yang pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli dalam jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lani, dengan tujuan untuk memperoleh wang tunai.</p> <p>Setiap kontrak jualan dan pembelian dalam Tawarruq adalah bersifat mengikat dan tidak boleh ditamatkan sebelah pihak sahaja tanpa persetujuan oleh kesemua pihak yang berkontrak. Ciri-ciri umum dalam setiap kontrak jual dan beli di dalam Tawarruq adalah pindahan pemilikan aset daripada penjual kepada pembeli dengan balasan.</p> <p>Penukaran mata wang semasa peletakan atau pengeluaran deposit adalah berlandaskan Bai’ al-Sarf iaitu kontrak membeli dan menjual mata wang.</p> <p>Mekanisme produk adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Transaksi Tawarruq akan dijalankan melalui aturan dwi agensi. Di bawah aturan ini, OCBC Al-Amin akan bertindak sebagai wakil pelanggan untuk melengkapkan transaksi Tawarruq. Pelanggan sebagai penjual dan OCBC Al-Amin sebagai pembeli komoditi di mana harga boleh dibayar secara tangguh (apabila matang). Penerangan terperinci adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelanggan mendepositkan dana* dengan OCBC Al-Amin Bank Berhad (OCBC Al-Amin) dan melantik OCBC Al-Amin sebagai wakil pelanggan untuk membeli komoditi. Komoditi yang dimaksudkan ialah Minyak Sawit Mentah (“CPO”) atau komoditi lain bukan Ribawi yang akan ditentukan oleh OCBC Al-Amin.</li> <li><i>*Dana Pelanggan: Harga Pembelian Pelanggan</i></li> <li>▪ OCBC Al-Amin membeli komoditi sebagai wakil pelanggan daripada broker pada harga lani (spot). Jika tiada permintaan untuk penghantaran fizikal komoditi, pelanggan memberi kuasa dan melantik OCBC Al-Amin sebagai Wakil untuk menjual komoditi kepada mana-mana pihak, termasuk OCBC Al-Amin sendiri apabila pelanggan memiliki komoditi secara konstruktif (Qabd al-Hukmi) dengan harga yang setara dengan Harga Pembelian Bank. OCBC Al-Amin kemudian membeli komoditi tersebut daripada pelanggan pada harga kos ditambah keuntungan** yang akan dibayar pada tarikh pembayaran tertangguh yang ditentukan.</li> <li><i>**Kos ditambah keuntungan: Harga Pembelian Bank</i></li> <li>▪ Pada tarikh pembayaran tertangguh, OCBC Al-Amin akan membayar Harga Pembelian Bank yang terdiri daripada kos (prinsipal) dan keuntungan.</li> </ul> </li> </ul>

Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?
<p><u>Akaun Simpanan Tetap-i (Ringgit Malaysia)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Deposit minimum sebanyak RM5,000 untuk peletakan selama 1 bulan; dan RM1,000 untuk peletakan 2 hingga 60 bulan.</li> </ul>

- Tempoh dinyatakan dalam gandaan 1 bulan sehingga tempoh 60 bulan.

#### Akaun Simpanan Tetap-i (Mata Wang Asing)

- Deposit minimum sebanyak 10,000.00 dalam mata wang setara untuk USD & SGD atau GBP5,000.00 untuk GBP bagi semua tempoh.
- Tempoh yang ada ialah 1 bulan, 2 bulan, 3 bulan, 6 bulan, 9 bulan, dan 12 bulan. Keuntungan/pulangan pelanggan di bawah TD-i adalah ditetapkan secara awalan (berdasarkan "kos ditambah keuntungan") yang menjadi jaminan tambahan pulangan bagi kontrak yang dimeterai.

Kadar keuntungan terkini boleh diperolehi daripada laman web [www.ocbc.com.my](http://www.ocbc.com.my) atau di cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad dan OCBC Bank (Malaysia) Berhad yang berhampiran.

#### **Apakah terma dan syarat lain berkaitan produk ini yang perlu saya ketahui?**

Sebagai balasan persetujuan Bank untuk membenarkan penyelesaian awal Harga Pembelian Bank, Pelanggan bersetuju untuk memberi rebat (ibra') pada Harga Pembelian Bank yang akan dihitung seperti berikut:

#### Akaun Simpanan Tetap-i (Ringgit Malaysia)

- Jika penyelesaian awal adalah pada atau sebelum tamat tiga (3) bulan dari tarikh peletakan, rebat adalah bersamaan dengan perbezaan antara Harga Pembelian Bank dan Harga Pembelian Pelanggan; ATAU
- Jika penyelesaian awal adalah selepas tiga (3) bulan atau lebih dari tarikh peletakan, rebat adalah berdasarkan rumusan di bawah:

$$\text{Rebat} = 1/2(\text{Keuntungan} \times C/T) + [\text{Keuntungan} \times (T-C)/T]$$

Di mana,

C = bilangan bulan yang telah dilengkapkan bermula dari tempoh peletakan sehingga sebelum penyelesaian awal Harga Pembelian Bank

T = bilangan bulan dalam tempoh peletakan asal

Samakan semula keuntungan ke atas pengeluaran simpanan sebelum tempoh matang:

Bagi Simpanan Tetap-i yang dibuat pada atau selepas 5 Mac 2018, keuntungan tidak akan dibayar ke atas pengeluaran sebelum tempoh matang yang dibuat pada atau selepas 1 Januari 2019. Pengeluaran sebelum tempoh matang yang dibuat sebelum 1 Januari 2019 dan semua deposit dibuat sebelum 5 Mac 2018 tidak tertakluk oleh perubahan ini.

#### Akaun Simpanan Tetap-i (Mata Wang Asing)

- Pelanggan boleh, pada bila-bila masa semasa tempoh peletakan memohon untuk penyelesaian awal Harga Pembelian Bank oleh Bank. Tiada keuntungan yang akan dibayar untuk mana-mana penyelesaian awal TD-i ini.

Untuk penyelesaian awal, pelanggan juga dikehendaki membayar semua fi pegangan, pengendalian dan pembrokeran (secara bersama, "Caj") yang dikenakan oleh mana-mana pihak ketiga untuk penjualan dan pembelian komoditi dibawah prinsip Komoditi Murabahah. Bank berhak untuk menolak Caj daripada Harga Pembelian Bank dan membayar bakinya kepada Pelanggan.

Pengeluaran sebahagian daripada jumlah deposit adalah tidak dibenarkan sebelum Tempoh matang.

TD-i yang telah diperbaharui secara automatik selama lebih tujuh (7) tahun akan diklasifikasikan sebagai "Tidak Dituntut" menurut Akta Wang Tak Dituntut 1965.

Pelanggan boleh membuka akaun TD-i dengan Bank; tertakluk kepada terma dan syarat Bank dan peruntukan Notis Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing. Semua deklarasi adalah dinyatakan dalam borang Pembukaan Akaun Perniagaan OCBC.

#### Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

Sila rujuk kepada ringkasan yuran dan caj di [www.ocbc.com.my](http://www.ocbc.com.my).

#### Apakah risiko yang terlibat?

Tiada kerana kadar keuntungan telah dimaklumkan secara awalan untuk membantu anda membuat keputusan.

#### Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan butiran hubungan saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

#### Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan terkini kami, anda boleh:

- Layari laman web kami di [www.ocbc.com.my](http://www.ocbc.com.my)
- Kunjungi cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad atau OCBC Bank (Malaysia) Berhad yang berhampiran.
- Hubungi Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan kami di 1-300-88-0255.

Jika anda mempunyai sebarang maklum balas mengenai produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh hubungi kami di:

Pengurusan Kualiti & Perkhidmatan  
d/a OCBC Bank (Malaysia) Berhad  
Peti Surat 10197  
50911 Kuala Lumpur

Jika jawapan kami kepada pertanyaan atau aduan anda adalah tidak memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel: 1300 885465  
Faks: 03-2174 1515  
E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

Maklumat yang diberikan dalam lembaran maklumat ini adalah sah pada 12 Febuari 2018.